



## **Ucapan Perasmian**

**Yang Berhormat  
Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia  
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah  
Dato Paduka Haji Awang Othman  
*Menteri Hal Ehwal Ugama***

**Di Seminar Serantau Institusi Pengajian Tinggi Islam Ke-6  
(SeIPTI 2019)**

**Tema Seminar  
Ke Arah Kecemerlangan Pengajian Tinggi Islam Dalam Era  
Revolusi Industri 4.0**

**Pada Hari Rabu, 9 Rabiulawal 1441H  
Bersamaan 6 November 2019**

**Jam 9.00 Pagi**

**Bertempat Di Auditorium, Universiti Islam Sultan Sharif Ali,  
Negara Brunei Darussalam.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ سَتَّعِينَ عَلَى أَمْوَارِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَئْنِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا وَعَلَيْهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah wasysyukru Lillah.

Dengan limpah rahmat izin Allah kita berhimpun dalam majlis keilmuan di pusat pengajian tinggi Islam tulen negara Brunei Darussalam ini – Universiti Islam Sultan Sharif Ali ini – (UNISSA), iaitu majlis *Seminar Serantau Institusi Pengajian Tinggi Islam kali ke-6 (SeIPTI 2019)*.

Saya sukacita merakamkan penghargaan kepada lima buah institusi pengajian tinggi yang berkolaborasi menganjurkannya.

Kelima-limanya adalah antara pengajian tinggi di rantau Asia Tenggara ini iaitu terdiri daripada tuan rumah sendiri, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universitas Darussalam Gontor (UNIDA), Indonesia, Universiti Fatoni (FTU), Thailand, dan Mindanao State University (MSU), Filipina.

Dan seminar ini adalah sangat bermakna dalam usaha memaju serta mencemerlangkan pengajian Islam oleh kalangan ilmuan yang terlibat untuk mempastikan kecemerlangannya itu. Dan setentunya ia juga untuk kecemerlangan pendidikan Islam yang akan menyumbang kepada kemanusiaan seterusnya.

Sejauh yang saya pernah hadir seperti ini sudah dua kali saya berkesempatan berucap di dalam persidangan mengenai pengajian Islam dianjurkan oleh pusat pengajian tinggi di negara ini. Pertama ialah pada bulan Mei 2016 oleh Universiti Brunei Darussalam (UBD) menerusi *Sultan Omar Ali Saifuddien Centre for Islamic Studies* nya. Diikuti oleh Kolej Universiti Perguruan Ugama

Seri Begawan pada Januari 2018. Dan pada hari ini UNISSA merupakan tuan rumah secara berkolaborasi dengan rakan strategiknya pusat-pusat pengajian tinggi dari Malaysia, Indonesia, Thailand dan Filipina.

Hal ini menunjukkan kesungguhan kami di Brunei untuk terlibat dalam rangkaian gerakan melestarikan pendidikan Islam dan kecemerlangan pengajiannya.

Tema seminar SeIPTI 2019 ini menyebut tentang *Revolusi Industri 4.0* dalam hubungannya sebagai suatu perkembangan yang akan mendatangkan impak yang hebat terhadap masa hadapan kemanusiaan termasuklah terhadap bidang pendidikan.

Kita menyambut baik kebijaksanaan penganjur seminar menyebut era revolusi industri 4.0 dengan mengungkapkannya ke dalam tema seminar iaitu *Ke Arah Kecemerlangan Pengajian Tinggi Islam Dalam Era Revoulusi Industri 4.0*.

Pemilihan tema ini merupakan pernyataan tentang kesedaran yang tinggi serentak dengan kemahuan yang kuat di kalangan para ilmuan kita, khasnya yang terlibat dan bertanggungjawab untuk memastikan kelangsungan pengajian tinggi Islam yang cemerlang dan relevensi pendidikannya dalam era industri 4.0 yang setentunya berdampak hebat terhadap kemanusiaan sejagat.

Oleh itu kita berharap supaya seminar ini menjadi sebahagian *platform* untuk mengetengahkan maklumat yang akan memberikan pengetahuan dan kefahaman yang meluas di kalangan umum dan khas tentang revolusi industri 4.0. Dan berikutnya diharapkan pula ianya akan membina landasan yang kukuh bagi pihak-pihak yang berketerlibatan dalam pengajian tinggi Islam untuk bekerjasama berusaha mencemerlangkan pengajian tinggi Islam dalam era revolusi industri 4.0 yang sangat mencabar itu.

Kita maklum bahawa sepanjang sejarah revolusi industri dan perkembangannya adalah merangkum sama teknologi yang berkembang sebagai ilmu.

Sebagai hasil daripada ilmu dan perkembangannya maka revolusi industri dan perkembangannya tidak bermasalah dengan Islam. Apa yang bermasalah

ialah penggunaannya yang berdampak negatif terhadap kemanusiaan dalam makna penyalahgunaan ilmu pengetahuan dan teknologi yang berkembang itu.

Oleh yang demikian Islam menganjurkan supaya kita menguasai ilmu itu dan digunakan untuk tujuan-tujuan yang menepati atau selaras dengan ajarannya.

Saya yakin kita di sini adalah kalangan yang berkesedaran bahawa apa yang dimaksudkan dengan *penguasaan ilmu* itu tidaklah terhad kepada ilmu-ilmu pengajian Islam konvensional. Lebih-lebih lagi dalam era yang disebut revolusi industri 4.0 itu.

Dalam masa yang sama kita jugalah kalangan yang merasa terpanggil untuk merespon dampak revolusi industri 4.0 dan seterusnya nanti untuk mencemerlangkan pengajian dan pendidikan Islam yang konvensional itu. Lalu kita mencari dan menemukan huraianya dengan melihat lebih kepada memasukkan ilmu-ilmu umum ke dalam persekolahan ugama yang kita namakan aliran pendidikan Islam.

Huraian ini diperkenalkan dan dipelopori oleh Shaikh Muhammad Abduh (1849-1905) seorang *mujaddid, reformer* yang sangat prihatin dengan kemunduran umat Islam di tengah-tengah pengaruh tamadun barat di negaranya Mesir pada zamanya itu. Sebagai respon untuk keluar daripada kepompong kemunduran itu pergerakan reformasi beliau sangat menekankan kepada pembaharuan dalam pendidikan Islam (*His reformist movement put great stress on need for change in Islamic education*).

Dan satu perkara yang sangat menarik dalam pergerakan reformasi Shaikh Muhammad Abduh ialah anjurannya supaya umat Islam merespon baik pendidikan modern barat. Menurutnya adalah sangat penting bagi umat Islam untuk maju dan menebus kemundurannya dengan merespon baik pendidikan modern yang berkembang di barat. Dalam masa yang sama umat Islam diingatkannya untuk berkesedaran tentang identiti Islamnya.

Tidak diragukan bahawa kita adalah kalangan yang sama berfikir sedemikian itu. Kerana itu kita mahukan pengajian Islam akan cemerlang dan tetap cemerlang dalam era revolusi industri 4.0 dengan berusaha mewujudkan pembaharuan pendidikan di sekolah yang akan melahirkan generasi Islam

yang Islami sekali pun nantinya ada diantara mereka berketerampilan dalam bidang-bidang teknologi dan industri atau berpraktik dalam bidang-bidang profesional lainnya.

Saya berkata sebegini ialah khusus merujuk kepada pengalaman di negara kami Brunei Darussalam.

Brunei memulakan persekolahan ugama formal dalam tahun 1959 di ikuti dengan persekolahan Ugama – Arab dalam tahun 1965 dan 1966.

Kedua-duanya adalah dalam arus perdana sistem pendidikan nasional kami yang menjadikan pelajaran ugama sebagai pelajaran teras dalam semua peringkat persekolahan dan pengajian.

Maknanya Brunei mencantumkan kedua-dua aliran pengajian dalam sistem pendidikannya – Islam dan umum. Hal ini dapat dianggap suatu pendekatan yang realistik.

Dalam satu aspek pencantuman kedua-dua aliran itu ianya menepati impian untuk memajukan umat dengan menyediakan generasi yang berilmu maju jaya bersama kemajuan negara dan bangsanya namun tetap Islam dalam perwatakan, sikap serta pembawaan.

Yang sedemikian itu sekurang-kurangnya ini menyatakan bahawa kami sangat menghargai gagasan besar ke arah mencemerlangkan pengajian Islam dalam era revolusi industri 4.0 yang menjadi tujuan dan harapan seminar ini.

Maka demikianlah adanya. Semoga celoteh seorang dari insan yang sempat bersama berada dengan anda di majlis pada hari ini, dalam usianya kini, akan ada gunanya.

Dan mengakhiri celoteh ini sukacita saya merasmikan *Seminar Serantau Institusi Pengajian Tinggi Islam ke-6 (SeIPTI 2019)* yang bertemakan *Ke Arah Kecemerlangan Pengajian Tinggi Islam Dalam Era Revolusi Industri 4.0* – saya bertabarruk merasmikannya dengan firman Allah dalam Surah Taha ayat 114:

﴿فَتَعَالَى اللَّهُ الْمَلِكُ الْحَقُّ وَلَا تَعْجَلْ بِالْقُرْءَانِ مِنْ قَبْلِ أَنْ يُقْضَىٰ إِلَيْكَ وَحْيُهُرُ وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا﴾

### **Tafsirnya:**

*“Maka Maha Tinggi Allah yang Maha Menguasai lagi Maha Benar. Dan janganlah engkau (wahai Nabi Muhammad) tergesa-gesa membaca al-Quran sebelum selesai diwahyukan kepadamu dan berdoalah: Ya Tuhanaku! Tambahilah aku ilmu”.*

Sekian.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا  
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman,  
*Menteri Hal Ehwal Ugama.*

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama,  
9hb Rabiulawal 1441 / 6hb November 2019.